

Graduan yatim piatu terima Anugerah Diraja Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

# Miskin bukan halangan berjaya

Oleh **HAMDAN TAWADI**  
pengarang@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 10 Okt. – Seorang anak yatim piatu membuktikan kemiskinan dan ketiadaan orang yang disayangi bukan penghalang untuk berjaya apabila dia menerima Anugerah Diraja pada Majlis Konvokesyen Ke-10 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini hari ini.

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, Mohd. Fuad @ Sia Chai Fuat Mohd. Yusuf, 24, menerima anugerah itu yang disampaikan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Ibu kepada Mohd. Fuad meninggal dunia ekoran pendarahan teruk ketika keguguran semasa graduan itu baru berusia enam tahun manakala ayahnya meninggal akibat diserang sakit jantung ketika dia berusia 13 tahun.

Menurut pelajar cemerlang itu, pemergian kedua-dua orang tua dan kesusahan hidup menjadikan dia lebih tabah dan gigih dalam menuntut ilmu bagi mengubah nasibnya.

“Paling saya tidak lupa, sewaktu darjah enam, saya meminta ayah membeli buku rujukan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), namun ayah kata tidak mampu sehing-

ga seharian saya merajuk.

“Akhirnya ayah mengalah dan membelikan buku itu namun dia pesan jangan sia-siakan buku itu dan belajar rajin-rajin supaya jangan susah macam dia,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohd. Fuad memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.92 dan merupakan Ketua Biro Akademik dan Pembangunan Pelajar dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM.

Graduan berasal dari Sabah itu menyatakan, tumpuan semasa belajar dan matlamat yang jelas menjadi rahsia kejayaannya.

Mohd. Fuad bercita-cita menjadi seorang jurutera dan menjadikan kakaknya, Nursiah yang berusia 30 tahun sebagai idola dan inspirasi hidupnya.

“Kakak pernah belajar dalam bidang kejuruteraan di sebuah universiti tetapi berhenti kerana terpaksa menjaga kami.

“Dia kemudian menjadi guru dan mengambil alih tugas ibu saudara menjaga kami adik beradik,” katanya yang merupakan anak keempat daripada tujuh beradik.

Graduan cemerlang itu berkata, dia akan memulakan kerja sebagai jurutera di sebuah syarikat di Shah Alam, Selangor, Disember ini.



**SULTAN** Ibrahim Sultan Iskandar (kiri) dan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim (kanan) bergambar bersama dua graduan yang menerima Anugerah Diraja, Nik Normunira Mat Hassan dan Mohd. Fuad @ Sia Chai Fuat pada Majlis Konvokesyen Ke-10 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Batu Pahat, semalam.